

## **Kajian Deskriptif Amalan Agama serta Kerja-kerja Sosial Pelajar di Pusat Islam Lukman Al-Hakim, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS)**

*Descriptive Study of Religious Practices and Social Work of Students at Lukman Al-Hakim Islamic Centre, Polytechnic Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS)*

Nurul Izzati Mohd Noh<sup>a</sup>, Sajamoon Boon Choi<sup>b</sup>, Thuraiya Zakaria<sup>c</sup>, Nadratun Nafisah Abd Wahab<sup>d\*</sup>

<sup>a</sup> Jabatan Perdagangan, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Pauh Putra, 02600 Arau, Perlis Malaysia

<sup>b</sup> Unit Jaminan Kualiti, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Pauh Putra, 02600 Arau, Perlis Malaysia

<sup>c,d</sup> Fakulti Pengurusan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

**Editor:**

Nor Firdaus Mohamed

**Anonymous Reviewers:**

Dua orang

**Abstrak**

Artikel ini adalah berkenaan kajian tentang aktiviti keagamaan dan aktiviti sosial pelajar di Pusat Islam Lukman Al-Hakim, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS). Daripada hasil kajian ini, beberapa cadangan telah dikemukakan bagi membincangkan peranan yang perlu dilaksanakan oleh Pusat Islam PTSS. Edaran soal selidik telah dijalankan dalam kalangan pelajar PTSS dan pulangan balik soal selidik adalah 150 orang responden. Selepas menolak respon bias dan juga respon yang tidak normal, respon yang diambil kira bagi kajian ini adalah sebanyak 100 responden. Dapatan kajian menunjukkan amalan agama iaitu menghadiri majlis ilmu sekurang-kurangnya seminggu sekali di Pusat Islam PTSS serta aktiviti sosial seperti kenduri, ceramah dan lain-lain berada pada tahap yang tinggi. Implikasi kajian menunjukkan Pusat Islam dapat meningkatkan amalan agama dan aktiviti sosial kepada komuniti PTSS. Secara keseluruhannya, boleh dikatakan majoriti pelajar bersetuju (skor purata min = 4.1) bahawa peranan Pusat Islam Lukman Al-Hakim Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin telah memberi impak positif terhadap amalan agama dan kerja sosial dalam kalangan pelajar. Kajian juga membincangkan tentang peranan yang perlu dilaksanakan Pusat Islam PTSS berdasarkan dapatan-dapatan pengkaji terdahulu.

**Kata Kunci:** *Pusat Islam; PTSS; amalan agama; kerja sosial*

**Abstract**

This article is about a study on religious activities and social activities of students at the Lukman Al-Hakim Islamic Center, Tuanku Syed Sirajuddin Polytechnic (PTSS). From the results of this study, several suggestions have been submitted to discuss the role that needs to be implemented by the PTSS Islamic Center. Distribution of questionnaires was conducted among PTSS students and the return of the questionnaire was 150 respondents. After rejecting the biased response as well as the abnormal response, the response taken into account for this study was 100 respondents. The findings of the study show that religious practice of attending knowledge gatherings at least once a week at the PTSS Islamic Center as well as social activities such as feasts, talks and others are at a high level. Implications of the study show that the Islamic Center can improve religious practices and social activities to the PTSS community. Overall, it can be said that the majority of students agree (mean score = 4.1) that the role of the Islamic Center Lukman Al-Hakim Tuanku Syed Sirajuddin Polytechnic has had a positive impact on religious practices and social work among students. The study also discusses the role that the PTSS Islamic Center needs to play based on the findings of previous researchers.

**Keywords:** *Islamic Center; PTSS; religious practice; social work*

## 1. Pengenalan

Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis (PTSS) mula beroperasi di Kolej Komuniti Bandar Darulaman, Jitra, Kedah pada 16 Mei 2002 dan kemudian berpindah ke kampus tetap di Pauh Putra, Arau, Perlis pada 15 Jun 2003. PTSS mempunyai sebuah Pusat Islam berhampiran dengan asrama pelajar bagi kemudahan mahasiswa menunaikan solat berjemaah dan melakukan aktiviti-aktiviti kerohanian lain. Pusat Islam ini mempunyai ruang solat yang dapat memuatkan 1,500 orang jemaah. Pada setiap minggu, Pusat Islam ini digunakan untuk solat Jumaat. Selain daripada kuliah Maghrib oleh pensyarah dalaman, penceramah dari luar juga sering dijemput untuk menyampaikan ceramah agama (PTSS, 2020).

Pusat Islam Lukman Al-Hakim, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) telah ditubuhkan secara rasmi pada 16 Jun 2004. Hal ini membolehkan Pusat Islam mengadakan pelbagai perancangan dan aktiviti-aktiviti agama. Kajian oleh Muhamad Faisal dan Firdaus (2018) menyatakan masjid yang boleh mempelbagaikan fungsinya mampu menarik masyarakat Islam untuk terus istiqamah mengimarahkan masjid. Namun secara umumnya banyak masjid yang masih kekal dengan fungsi asasnya sebagai tempat ibadah khusus dan beberapa urusan lain. Walau bagaimanapun, sebarang peranan yang dimainkan oleh institusi masjid sama ada kecil atau besar perlu disokong oleh elemen lain bagi memastikan keberkesannya (Pusat Islam PTSS, 2020).

Elemen-elemen sokongan seperti keperluan sumber tenaga manusia, bantuan kewangan, kecekapan pengurusan dan pentadbiran terhadap kegiatan masjid dan kesedaran serta tanggungjawab masyarakat Islam diperlukan dalam mengimarahkan institusi masjid (Yusmini & Anwarulhaq, 2004). Menurut Mohd Ismail et al., (2008) di dalam Imaaduddin, Termizi dan Adlan (2020), elemen-elemen sokongan lain adalah seperti keperluan sumber tenaga manusia, bantuan kewangan, kecekapan pengurusan, pentadbiran terhadap kegiatan masjid dan yang paling penting adalah kesedaran serta tanggungjawab masyarakat Islam dalam memastikan setiap perkara dilaksanakan berjalan dengan lancar. Sepertimana Pusat Islam Lukman Al-Hakim juga perlu memperluaskan peranannya memandangkan Pusat Islam ini telah dinaiktaraf sebagai masjid bagi menampung keperluan Jemaah yang semakin bertambah. Tidak dinafikan berdasarkan kajian-kajian tersebut, Pusat Islam PTSS juga memerlukan elemen-elemen sokongan bagi memastikan keberkesannya dalam menjalankan aktiviti-aktiviti yang dirancang.

Masjid adalah tempat berkumpul umat Islam dalam melaksanakan pelbagai aktiviti berbentuk ibadah, perkongsian ilmu dan khidmat masyarakat untuk mendapatkan barakah dan pahala yang berlipat ganda. Daripada 'Abdullah bin 'Umar, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Solat berjemaah lebih utama jika dibandingkan dengan solat sendirian dengan 27 darjat.

(Bukhari, 2001:645; Muslim, 1999:650)

Masjid bukan sekadar tempat mengerjakan ibadah tertentu seperti solat, membaca Al-Quran, berzikir bahkan masjid menjadi pusat pembangunan masyarakat Islam. Justeru, pengimarahkan masjid perlu diperluaskan dengan mengadakan program-program keagamaan serta mengoptimalkan fasiliti yang terdapat di pusat Islam. Dapatan lalu mengatakan bahawa masyarakat lebih tertarik ke masjid apabila pelbagai aktiviti disediakan untuk semua lapisan masyarakat serta mempunyai pasukan pengurusan yang berpengalaman dan berpengetahuan (Rosmawati & Syafiqah, 2016). Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab umat Islam untuk mengimarahkan masjid serta mengekalkan fungsi masjid sebagaimana firman Allah SWT:

Hanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah. Maka adalah diharapkan mereka menjadi golongan yang mendapat petunjuk

(Al-Taubah, 9:18)

Masjid mempunyai peranan yang besar, bukan sekadar tempat beribadah namun meliputi pelbagai aktiviti untuk kemakmuran masyarakat. Antaranya berniaga, pendidikan, tempat musyawarah, tempat penjagaan sosial dan sebagainya. Ini boleh dirujuk di dalam Firman Allah SWT dalam Al-Quran yang bermaksud:

Bertasbih kepada Allah di masjid-masjid yang telah diperintahkan untuk dimulihkan dan disebut nama-Nya di dalamnya, pada waktu pagi dan waktu petang. Laki-laki yang tidak dilalaikan oleh perniagaan dan tidak (pula) oleh jual beli dari mengingat Allah, dan (dari) membayarkan zakat. Mereka takutkan hari kiamat yang padanya berbalik-balik hati dan pandangan.

(An-Nur: 36-37)

Berdasarkan kajian oleh Azlina, Noraffah dan Norajila (2016), aktiviti di masjid sentiasa berkembang dan menjadi tempat Rasulullah SAW menerima tetamu tidak kira sama ada Muslim atau bukan Muslim. Dinyatakan juga bahawa di dalam masjid Nabawi, Rasulullah SAW turut menyediakan ruang kepada golongan fakir miskin untuk menjaga kebajikan umat Islam. Selain itu, masjid merupakan pusat kegiatan ilmu di mana Rasulullah SAW menyampaikan khutbah dan membuat halaqah bersama para sahabat baginda. Pernyataan ini disokong melalui dapatan Shalaby (1981) dan Norani

(2020) di mana aktiviti penyampaian ilmu berlaku di semua masjid antaranya Masjid al-Nabawi yang merupakan institusi pertama mengajar ilmu Islam secara formal.

Sejarah telah membuktikan bahawa masjid ialah tempat beribadat yang khusus, seperti solat dan iktikaf, bagi orang Islam. Ia juga merupakan pusat kebudayaan, muamalat, dan perkembangan dakwah Islamiah, serta pusat aktiviti umat Islam (Ahmad Rafli, Mohd Yahya, & Fidlizan, 2017). Selain itu, masjid telah memainkan peranan yang amat besar dalam konteks membina dan memacu pembangunan umat Islam dalam pelbagai aspek. Antaranya masjid telah menjadi pusat kegiatan sosial di mana ia merupakan antara asas dalam fungsi masjid pada zaman khulafa' al-Rashidin. Pada ketika itu masjid dijadikan Dewan Syura Umat Islam, Pusat Kebajikan dan Aktiviti Sosial (Siti Dalila, Nor Afizah, Ajmain @ Jimaa'in, 2018).

Menurut Asmak dan Zulekha (2004), masjid yang berfungsi sebagai tempat ibadah, tempat pendidikan dan dakwah, serta pelbagai program masjid dapat berperanan membendung gejala sosial. Khususnya masjid berfungsi sebagai pusat rujukan penting melibatkan soal pengurusan dan pentadbiran negara, pusat perkembangan kewangan dan ekonomi, penyebaran dan perluasan bidang keagamaan, menegakkan keadilan dalam perundangan, pemupukan institusi sosial dan sebagainya (Tamkin Borhan, Yahya Mohd Hussin, Muhammad & Fauzi Abu, 2011). Justeru Pusat Islam Lukman al-Hakim, menyamai fungsi masjid untuk mengembangkan syiar Islam dan juga berperanan mengajak masyarakat untuk menjadi lebih baik. Tambahan pula, selain amalan ibadat yang dilakukan, aktiviti kerja sosial yang dilaksanakan oleh Pusat Islam dapat mewujudkan kerjasama dalam komuniti serta membendung penularan wabak sosial di kalangan pelajar PTSS.

Rukun Islam menjadi asas kepada setiap manusia yang beragama Islam. Setiap umat Islam perlu mentaati suruhan Allah di dalam rukun Islam. Namun begitu, ramai masyarakat Islam kurang menitik beratkan tanggungjawab dalam melaksanakan perintah Allah dalam rukun Islam yang ke 2 iaitu ibadat solat yang menjadi asas pembinaan Islam (Budianto, 2020). Ini adalah kerana solat merupakan asas kekuatan diri bagi seseorang Muslim. Apabila pengabaian ibadah solat berlaku, menyebabkan kekurangan jemaah untuk menunaikan solat di Masjid serta boleh terdorong melakukan perbuatan keji dan mungkar. Ini boleh dirujuk di dalam Firman Allah SWT dalam Surah an-Ankabut, ayat 45 yang bermaksud:

Dirikanlah solat, sesungguhnya solat itu dapat mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar

(Al-Ankabut, ayat: 45)

Menerusi kajian yang dilakukan oleh Mohd Farid Hafidz dan Mohamad Khairi (2016), Pusat Islam Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS) sebagai pusat kegiatan Islam berjaya menjadi sebuah institusi yang melaksanakan dan menganjurkan program-program Islam menggunakan metodologi dan pendekatan dakwah. Oleh itu, pengkaji mendapati perlu memberi perhatian dan tumpuan terhadap isu ini khususnya Pusat Islam Lukman Al-Hakim PTSS yang menjadi tempat tumpuan kepada aktiviti-aktiviti keagamaan di dalam kampus.

Menurut kajian Mohd Khusyairie Marzuki, Mohd Muhiden Abdul Rahman dan Affendi Ismail (2018), kesan pelaksanaan solat dapat meningkatkan pembentukan sahsiah seseorang pelajar. Antara perkara yang tidak dibenarkan dalam Islam adalah berkhawat antara lelaki dan perempuan. Masalah berdua-duaan atau berpasang-pasangan adalah masalah yang sangat sukar di mana-mana sekalipun dan merupakan masalah yang berkait rapat dengan fitrah manusia yang mana sekiranya tidak ditangani dengan baik akan merosakkan diri, keluarga, negara serta generasi akan datang (Mohd Razimi et. al, 2020). Justeru, pengabaian solat boleh membawa kepada keruntuhan akhlak sekiranya tidak di bendung (Surah Al-Ankabut, ayat: 45). Jelaslah bahawa, tanpa ibadah solat menjadikan seseorang itu mudah terjebak dengan perbuatan keji dan mungkar.

Menurut Fakhru Adabi Abdul Kadir (2007), keberkesanan kelas agama dalam meningkatkan ilmu pengetahuan dalam kalangan pelajar atau pendengar kelas agama dinilai melalui empat perkara iaitu peningkatan atau penambahan ilmu tentang akidah, akhlak, ibadat dan isu-isu semasa. Ini kerana perkara-perkara tersebut merupakan satu keperluan kepada masyarakat umum dan juga maklumat asasi yang sewajarnya diketahui oleh masyarakat Islam. Di sini, peranan Pusat Islam Lukman al-Hakim, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) adalah lebih besar di mana ia memerlukan pelajar-pelajar untuk lebih meningkatkan amalan agama dalam kalangan mereka dengan menyertai setiap kuliah agama yang dijalankan di Pusat Islam.

Menurut Yusmini Md. Yusoff dan Mohd Anwarulhaq Sulaiman (2004) di dalam Mariam dan Marlon (2016), untuk memastikan peranan masjid diperluaskan sesuai dengan perkembangan zaman dan sesuai pula dengan pelbagai peringkat sasaran masyarakat, masjid harus mempunyai sekurang-kurangnya 50 peranan yang dapat dikelaskan kepada tiga kategori besar iaitu sebagai pusat ibadat, pusat pendidikan dan pusat kegiatan sosial. Namun, kebanyakan masjid sekarang tidak berfungsi dengan baik sebagai tempat ilmu dan dakwah kerana setengah tempat, masjid dikunci demi faktor keselamatan (Shukri, Yahya, Wan Abd Rahman Khudri, Madiha, & Shahril Fazli, 2014). Ekoran daripada kekurangan pengimarah masjid, aktiviti yang berkaitan dengan masjid juga kurang mendapat sambutan.

Berdasarkan permasalahan yang dibincangkan, pengkaji merasakan banyak isu yang sedang dihadapi oleh Pusat Islam Lukman al-Hakim PTSS. Justeru, berdasarkan pembacaan dan kajian-kajian lalu, satu kajian perlu dilaksanakan berdasarkan konteks kajian yang memerlukan maklumat-maklumat terkini tentang peranan Pusat Islam Lukman al-Hakim PTSS. Kajian ini dijalankan menjurus kepada peranan Pusat Islam Lukman al-Hakim, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) dalam meningkatkan amalan agama serta kerja-kerja sosial bagi pelajar-pelajar PTSS.

## 2. Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengukur peranan Pusat Islam terhadap peningkatan tahap amalan agama dalam kalangan pelajar PTSS.
2. Menentukan peranan Pusat Islam terhadap kerja sosial dalam kalangan pelajar PTSS.

## 3. Soalan Kajian

Kajian penyelidikan ini adalah untuk menjawab soalan-soalan berikut:

1. Apakah peranan Pusat Islam terhadap peningkatan tahap amalan agama dalam kalangan pelajar PTSS.
2. Sejauh manakah peranan Pusat Islam terhadap tahap kerja sosial dalam kalangan pelajar PTSS.

## 4. Sorotan Literatur

### 4.1 Amalan agama

Amalan agama merupakan benteng kekuatan diri bagi seseorang Muslim. Amalan agama seseorang Muslim meliputi solat lima waktu, berpuasa, membayar zakat, melaksanakan haji, membaca Al-Quran, berzikir dan qiamullail (Elmi & Zainab, 2013). Pengabaian ibadat khususnya solat akan mewujudkan pelbagai gejala penyimpangan moral dan keruntuhan akhlak yang mana daripada fenomena inilah yang menjadikan masalah akhlak kian meruncing melibatkan seluruh pelajar di mana-mana Institusi Pengajian Tinggi (IPT) (Mohd. Jirran, 2015). Mohd. Jirran (2015) mendapati pelajar yang mempunyai pemahaman solat yang tinggi juga akan mempunyai akhlak yang tinggi seperti dalam kajiannya terhadap pelajar sekolah menengah di Daerah Kuala Terengganu. Oleh itu, dalam konteks kajian ini, dapat dikaitkan bahawa Pusat Islam PTSS bukan sahaja berperanan sebagai tempat pelajar beribadah malah merupakan tempat pendidikan yang mampu memperkuat lagi amalan agama pelajar.

Menurut Sharifah Nur (2009) di dalam Mohd Farid Hafidz dan Mohamad Khairi (2016) terhadap pelajar Politeknik Kuching, ramai pelajar memahami kepentingan solat, namun pengamalan solat masih kurang memuaskan. Manakala menerusi kajian Mohd Khusyairie, Mohd Muhiden dan Affendi (2018), di

UiTM Kelantan berpendapat bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kesan pelaksanaan solat dan pembentukan sahsiah pelajar. Oleh itu, pihak pengurusan perlu merangka program yang bersesuaian bagi meningkatkan kefahaman pelajar tentang kepentingan ibadah solat (Mohd Khusyairie Marzuki, Mohd Muhiden Abdul Rahman dan Affendi Ismail, 2018). Manakala menurut Shukri, Yahya, Wan Abd Rahman Khudri, Madiha dan Shahril Fazli (2014) telah menjalankan kajian mengenai penghayatan solat dan pengimarahkan masjid di UUM, turut menyokong bahawa penghayatan ibadah solat dalam kalangan pelajar UUM juga masih rendah.

Begitu juga dengan tahap pengimarahkan masjid dalam kalangan mahasiswa UUM berada di tahap yang rendah. Oleh kerana kurang penghayatan solat dan didikan agama yang cukup boleh menyebabkan pelajar terdedah kepada masalah sosial. Ini menunjukkan bahawa peranan Pusat Islam sebagai pusat meningkatkan amalan agama dalam kalangan mahasiswa UUM masih perlu penambahbaikan. Bagi mempertingkatkan tahap penghayatan ibadah solat, kajian mencadangkan agar Pusat Islam UUM memperbanyakkan bahan penerbitan yang berkaitan dengan kecintaan terhadap solat. Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Shukri, Yahya, Wan Abd Rahman Khudri, Madiha, dan Shahril Fazli (2014) juga mencadangkan pihak pengurusan universiti menubuhkan halaqah al-Quran bagi membolehkan mahasiswa menguasai bacaan al-Quran.

Abdul Rahman (2014), mengkaji keberkesanan program Pusat Islam dalam membentuk sahsiah pelajar dengan membuat perbandingan antara Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif dengan melibatkan kajian perpustakaan berbentuk penyelidikan eksploratori dan kaedah kajian lapangan melalui soal selidik. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pengajian agama yang dianjurkan oleh Pusat Islam di kedua-dua institusi ini membantu memperbaiki amalan ibadah mahasiswa. Hasil analisa menunjukkan bahawa 100 peratus mahasiswa di UKM dan 92 peratus mahasiswa di UPSI mengatakan setuju yang pengajian agama oleh Pusat Islam dapat mempertingkatkan amalan ibadah pelajar.

Ezad Azraai Jamsari, Siti Noorasikin Tumiran, Kaseh Abu Bakar, dan Zamri Arifin (2010) menerangkan peranan dan sumbangan Masjid Assyafah dalam pembangunan masyarakat Melayu-Islam Sembawang, Singapura. Masjid Assyafah adalah antara masjid yang aktif dalam menjalankan aktiviti-aktiviti bersifat ukhrawi dan duniawi. Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif dengan menggunakan instrumen kajian perpustakaan, analisis dokumen, temu bual dan observasi. Kajian ini mengetengahkan peranan Masjid Assyafah dalam meningkatkan prestasi terhadap pembangunan masyarakat Melayu-Islam Singapura.



Peranan utama Masjid Assyafah adalah sebagai pusat atau tempat melakukan ibadah iaitu bersolat dan mengaji al-Qur'an. Masjid Assyafah sentiasa memastikan bilangan Jemaah yang bersolat meningkat setiap hari. Statistik bulanan menunjukkan jemaah yang bersolat di Masjid Assyafah adalah lebih kurang 25 hingga 30 ribu jemaah setiap bulan termasuk pelajar madrasah.

#### 4.2 Kerja sosial

Peranan masjid boleh diperluaskan dengan melaksanakan kerja sosial. Pemerkasaan masjid menerusi pentadbiran dan pengurusan organisasi dapat menawarkan pelbagai kerja sosial untuk menarik pelbagai agama mengikuti bersama program-program yang dirangka (Mariam Abd Majid & Marlon Pontino Guleng, 2016). Selain itu, menerusi kajian Mohd Ridhuan, Muhd Najib, Fadlan dan Siti Azimah, (2020), setiap aktiviti yang dirancang perlulah mendapat kerjasama antara pihak pengurusan masjid dan masyarakat setempat. Menurut Abd. Ghafar (1998) di dalam Mariam dan Marlon (2016), aktiviti-aktiviti yang dikendalikan oleh pihak masjid bagi masyarakat sekitarnya seperti sukaneka, gotong royong, ziarah, kursus motivasi dan pendidikan, kelas memasak merupakan antara pendekatan dakwah yang berupaya menjalinkan interaksi masyarakat pelbagai etnik dalam masyarakat. Antara kerja sosial yang boleh dikendalikan oleh pihak masjid seperti sukaneka, ziarah, kursus motivasi dan pendidikan, gotong royong serta kelas memasak berupaya menjalinkan interaksi masyarakat daripada pelbagai etnik dan agama (Abd. Ghafar, 1998). Kerja sosial boleh didefinisikan sebagai satu aktiviti professional dalam membantu individu, kumpulan dan komuniti bagi meningkat atau memperbaiki kapasiti diri dalam memenuhi keperluan sosial dan mewujudkan keadaan yang kondusif dalam usaha mencapai matlamat tersebut (Nurzaimah, Ezarina & Haris, 2013).

Sejarah perkembangan kerja sosial ini bermula setelah Kementerian Kebajikan Sosial ditubuhkan pada tahun 1964. Kini, kementerian ini dikenali sebagai Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Pihak kementerian yang telah menyedari gejala sosial, tekanan hidup, perubahan sistem sosial dan keruntuhan sistem kekeluargaan yang berlaku dalam masyarakat memerlukan penyelesaian agar masyarakat mampu mencapai kefungsiannya. Oleh itu, pihak *International Federation of Social Workers* (IFSW) dan *International Association of Schools of Social Work* (IASSW) menyatakan kerja sosial sebagai:

The social work profession promotes social change, problem solving in human relationships and the empowerment and liberation of people to enhance well-being. Utilising theories of human behaviour and social systems, social work intervenes at the points where people interact with their

environments. Principles of human rights and social justice are fundamental to social work

Menurut Haris (2009), pengertian tersebut turut menjadi panduan kepada pekerja sosial di Malaysia dengan mengambil kira faktor kepelbagaian budaya dan sosio-ekonomi setempat. Amalan kerja sosial di Malaysia turut dipandu oleh Dasar Kebajikan Negara (1990) yang menekankan kepentingan peranan kerja sosial dalam mempromosi keharmonian dan kestabilan sosial, memperkukuh serta meningkatkan kefungsiannya Institusi keluarga dan seterusnya melahirkan masyarakat penyayang.

Oleh itu, pengetahuan pelajar terhadap nilai dan etika kerja sosial adalah penting agar pelajar mampu menjalankan kerja dengan kompeten dalam praktis sebenar (Nurzaimah & Haris, 2019). Kajian Maria dan Isabel (2014) menunjukkan pelajar yang mengikuti program kerja sosial tidak mempunyai masalah untuk berhadapan dengan klien dari kumpulan etnik, budaya, gender, orientasi seksual, agama, keupayaan fizikal dan mental, umur serta latar belakang yang berbeza dalam praktis sebenar.

Kajian kes di MRSM Gemencheh menunjukkan bahawa penganjuran aktiviti kerja sosial antara pelajar dan masyarakat dapat memberi pendedahan kepada pelajar realiti kehidupan bermasyarakat (Nik Safiah et al., 2015). Menurut Nik Safiah et al., (2015), aktiviti kerja sosial ini bukan sahaja memberi peluang untuk pelajar MRSM Gemencheh merasai pengalaman sebenar hidup bermasyarakat, malah turut menjadikan pelajar mempunyai rasa kebertanggungjawaban terhadap ibu bapa, saudara dan masyarakat sekeliling. Aktiviti berbentuk kerja sosial ini juga mampu memberi penekanan yang kukuh kepada elemen kerohanian yang boleh membentuk sahsiah pelajar (Nik Safiah et al., 2015).

Bidang kerja sosial juga telah mengadaptasi intervensi dalam bidang psikologi, iaitu terapi terhadap pelajar bermasalah. Ini kerana apabila mereka berjauhan daripada keluarga serta pengaruh negatif daripada rakan sebaya atau media sosial mendorong untuk terlibat dalam masalah sosial. Pendapat ini di sokong oleh Nur Khairunnisa, Latifah, dan Wan Nasyrudin (2020) bahawa pelaksanaan pembudayaan positif berbentuk program usrah dapat membentuk akhlak remaja. Program usrah di masjid boleh memberi penekanan terhadap isu tauhid, akhlak dan sirah bagi menangani masalah isu gejala sosial (Norafidah & Abdul Ghafar, 2017).

#### 5. Metodologi

Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kuantitatif dengan mengedarkan borang soal selidik kepada responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar PTSS secara rawak di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis. Secara keseluruhan, PTSS mempunyai populasi seramai 3808 pelajar. Namun begitu, bilangan borang soal selidik yang dikembalikan

adalah sebanyak 150. Selepas menolak respon bias dan juga respon yang tidak normal, respon yang diambil kira bagi kajian ini adalah sebanyak 100 responden.

Pembolehubah diukur menggunakan skala Likert lima mata. Skala jenis ini mengukur jarak antara dua titik pada skala, yang membantu penyelidik

untuk mengira cara dan penyimpangan piawai jawapan pada pembolehubah (Sekaran, 2003). Beberapa kajian literatur telah mencadangkan skala optimum untuk kajian adalah diantara 4 hingga 7 mata (Mc Kelvie, 1978; Master, 1974). Berikut adalah skala Likert 5 mata yang mengukur tahap persetujuan responden digunakan dalam kajian ini:

Jadual 1. Skala numerikal

Skala	Kategori
1	Sangat tidak bersetuju
2	Tidak Setuju
3	Neutral
4	Bersetuju
5	Sangat bersetuju

Borang soal selidik yang diedarkan mengandungi soalan-soalan yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai peranan Pusat Islam Lukman Al-

Hakim berkenaan amalan agama dalam kalangan pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin.

Jadual 2. Soal selidik mengenai peranan Pusat Islam Lukman Al-Hakim dalam meningkatkan amalan agama

No.	Item
1.	Saya pernah menghadiri majlis ilmu agama dalam tempoh sebulan yang lepas di Pusat Islam Lukman Al-Hakim PTSS.
2.	Saya menghadiri majlis ilmu sekurang-kurangnya seminggu sekali di Pusat Islam PTSS
3.	Saya solat berjemaah di Pusat Islam Lukman Al-Hakim PTSS pada setiap waktu solat fardhu.
4.	Saya mengikuti majlis bacaan Yassin setiap malam Jumaat di Pusat Islam Lukman Al-Hakim PTSS.
5.	Saya pernah mengikuti ceramah/ kelas agama di Pusat Islam Lukman Al-Hakim PTSS.

Sumber: Shukri, Yahya, Wan Abd Rahman Khudri, Madiha, dan Shahril Fazli (2014)

Seterusnya, soal selidik mengandungi soalan-soalan yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai peranan Pusat Islam Lukman Al-Hakim

dalam meningkatkan kerja-kerja sosial bagi pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin.

Jadual 3. Soal selidik mengenai peranan Pusat Islam Lukman Al-Hakim dalam meningkatkan kerja sosial

No.	Item
1.	Pusat Islam Lukman Al-Hakim PTSS banyak menganjurkan aktiviti kerja sosial bersama pelajar.
2.	Kerja sosial yang dilakukan bersama pelajar mendapat sambutan hangat.
3.	Pusat Islam Lukman Al-Hakim PTSS perlu lebih banyak menganjurkan kerja sosial bersama semua pelajar pada setiap semester.
4.	Kerja sosial yang dilakukan oleh Pusat Islam Lukman Al-Hakim PTSS perlu juga melibatkan pelajar bukan Muslim.
5.	Pusat Islam Lukman Al-Hakim PTSS perlu melibatkan pelajar dan juga pensyarah untuk menjalankan kerja sosial seperti kenduri, ceramah dan yang lain-lain.

Sumber: Khairunneezam, Mohd Asri, Siti Suriani, Amin Al Haadi dan Mahazan (2016)

Jadual 4. Analisis kebolehpercayaan keputusan kajian

Pembolehubah	Cronbach's Alpha
Peranan pusat Islam Lukman Al-Hakim	0.746
Amalan Agama	0.643
Kerja sosial	0.745

## 6. Analisis dan Dapatan

Kajian ini dijalankan untuk mengukur tahap amalan agama dan kerja sosial dalam kalangan pelajar PTSS di Pusat Islam Lukman Al-Hakim. Data analisis ini

bertujuan untuk mencapai matlamat penyelidikan dan menjawab soalan penyelidikan.

Jadual 5 menunjukkan statistik deskriptif untuk pembolehubah amalan agama dalam kalangan

pelajar di Pusat Lukman Al-Hakim, PTSS. Terdapat empat soalan dalam bahagian ini. Soalan 1 adalah saya pernah menghadiri majlis ilmu agama dalam tempoh sebulan yang lepas di Pusat Islam Lukman Al-Hakim PTSS mendapatkan nilai min 4.17. Soalan 2 adalah saya menghadiri majlis ilmu sekurang-kurangnya seminggu sekali di Pusat Islam PTSS mendapatkan nilai min 4.21. Soalan 3 adalah saya solat berjemaah di Pusat Islam Lukman Al-Hakim

PTSS pada setiap waktu solat fardhu mendapat nilai min 3.65. Soalan 4 saya mengikuti majlis bacaan Yassin setiap malam Jumaat di Pusat Islam Lukman Al-Hakim PTSS yang mendapatkan nilai min 3.63. Soalan 5 adalah saya pernah mengikuti ceramah/ kelas agama di Pusat Islam Lukman Al-Hakim PTSS mendapat nilai min 3.97. Kesimpulannya, semua tafsiran memberikan min yang tinggi untuk amalan agama.

Jadual 5. Keputusan deskriptif untuk amalan agama

No.	Item	Min
1	Saya pernah menghadiri majlis ilmu agama dalam tempoh sebulan yang lepas di Pusat Islam Lukman Al-Hakim PTSS.	4.17
2	Saya menghadiri majlis ilmu sekurang-kurangnya seminggu sekali di Pusat Islam Lukman Al-Hakim PTSS.	4.21
3	Saya solat berjemaah di Pusat Islam Lukman Al-Hakim PTSS pada setiap waktu solat fardhu.	3.65
4	Saya mengikuti majlis bacaan Yassin setiap malam Jumaat di Pusat Islam Lukman Al-Hakim PTSS.	3.63

Jadual 6 menunjukkan statistik deskriptif untuk pemboleh ubah kerja sosial di kalangan pelajar di Pusat Lukman Al-Hakim, PTSS. Terdapat lima soalan dalam bahagian ini. Soalan 1 adalah Pusat Islam Lukman Al-Hakim PTSS banyak menganjurkan aktiviti sosial bersama pelajar mendapatkan nilai min 4.10. Soalan 2 adalah kerja sosial yang dilakukan bersama pelajar mendapat sambutan hangat mendapatkan nilai min 4.06. Soalan 3 adalah Pusat Islam Lukman Al-Hakim PTSS perlu lebih banyak menganjurkan kerja sosial bersama semua pelajar pada setiap semester mendapat nilai min 4.26. Soalan 4 kerja sosial yang dilakukan oleh Pusat Islam Lukman Al-Hakim PTSS perlu juga melibatkan

pelajar bukan Muslim yang mendapatkan nilai min 4.10. Soalan 5 adalah Pusat Islam Lukman Al-Hakim PTSS perlu melibatkan pelajar dan juga pensyarah untuk menjalankan kerja sosial seperti kenduri, ceramah dan yang lain-lain mendapat nilai min 4.57. Kesimpulannya, semua tafsiran memberikan min yang tinggi untuk kerja sosial seperti amalan agama. Secara keseluruhannya, boleh dikatakan bahawa majoriti responden bersetuju (skor purata min = 4.1) bahawa peranan Pusat Islam Lukman Al-Hakim Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin telah memberi impak positif terhadap amalan agama dan kerja sosial di kalangan pelajar.

Jadual 6. Keputusan deskriptif untuk kerja sosial

No.	Item	Min
1	Pusat Islam Lukman Al-Hakim PTSS banyak menganjurkan aktiviti kerja sosial bersama pelajar.	4.10
2	Kerja sosial yang dilakukan bersama pelajar mendapat sambutan hangat.	4.065
3	Pusat Islam Lukman Al-Hakim PTSS perlu lebih banyak menganjurkan kerja sosial bersama semua pelajar pada setiap semester.	4.26
4	Kerja sosial yang dilakukan oleh Pusat Islam Lukman Al-Hakim PTSS perlu juga melibatkan pelajar bukan Muslim.	4.10
5	Pusat Islam Lukman Al-Hakim PTSS perlu melibatkan pelajar dan juga pensyarah untuk menjalankan kerja sosial seperti kenduri, ceramah dan yang lain-lain.	4.57

## 7. Kesimpulan dan Cadangan

Hasil kajian ini menunjukkan maklum balas positif dalam kalangan pelajar tentang amalan agama dan kerja sosial di Pusat Islam Lukman Al-Hakim, PTSS. Pusat Islam PTSS berperanan besar membantu amalan agama pelajar dan para pelajar sangat berminat dengan kerja-kerja sosial di Pusat Islam PTSS. Namun begitu, masih ada ruang yang perlu diperbaiki untuk meningkatkan amalan agama dan kerja-kerja sosial di Pusat Islam PTSS. Didapati pelajar dapat mengikuti solat berjemaah dan majlis ilmu agama yang dianjurkan oleh Pusat Islam Lukman Al-Hakim pada setiap masa yang mana ada dalam kalangan pelajar yang menjadi imam dan juga Ahli

Jawatankuasa (AJK) Pusat Islam Lukman Al-Hakim. Secara tidak langsung pelajar dapat memahami tentang agama dengan lebih baik bukan semata-mata di bilik kuliah. Selain itu, Pusat Islam Lukman Al-Hakim, PTSS juga perlu lebih banyak menganjurkan kerja sosial yang bukan sekadar melibatkan pelajar Islam, tetapi juga pelajar bukan Islam yang mana dapat memupuk semangat kerjasama dalam kalangan semua pelajar tanpa mengira bangsa dan agama. Selain itu, peranan Pusat Islam Lukman Al-Hakim adalah perlu melibatkan kakitangan PTSS iaitu pensyarah dan staf sokongan dalam menjalankan kerja sosial seperti kenduri, ceramah dan lain-lain. Cadangan pada masa depan kepada Pusat Islam

Lukman Al-Hakim adalah supaya lebih banyak menganjurkan aktiviti keagamaan dalam kalangan pelajar bagi membolehkan pelajar lebih memahami tentang agama dan juga menanamkan sikap yang baik.

### Rujukan

- Al-Quranul Karim. (1999). *Terjemahan al-Qur'an Abdullah Muhammad Basmeih*. Dar al-Fikr. Kuala Lumpur.
- Abd. Ghafar, D. (1998). *Metodologi Terhadap Masyarakat Orang Asli, Dakwah Kepada Non Muslim di Malaysia Konsep, Metode dan Pengalaman*. Bangi.
- Abd Rahman, A. G. (2014). Keberkesanan program pusat Islam dalam membentuk sahsiah pelajar: kajian perbandingan antara UPSI dan UKM. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 6(1), 81–95.
- Abdul Razak, A.M., Mohd Khairil Anwar, A.L., E. F. B. E. Y. (2010). *Isu Dan Cabaran Institusi Masjid Dalam Pembentukan Sahsiah Remaja Diera Globalisaasi dan cadangan penyelesaiannya*. 2010, 1–20.
- Ahmad Rafli, C. O., Mohd Yahya, M. H., & Fidlizan, M. (2017). Perniagaan Sosial Menerusi Aktiviti. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 1(1), 39–46.
- Ahmad Sanusi, A., Mohd Yusuf, I. (2018). Konsep Rahmatan Lil Alamin Dalam Hadith: Penerokaan Makna Serta Aplikasi Di Malaysia. *Journal of Hadith Studies*. Vol. 3 No. 1(2-SI) 2.
- Asmak, A., & Zulekha, Y. (2004). Masjid dan Peranannya Dalam Membendung Gejala Sosial. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid*, 325–336. Pusat Islam, Universiti Utara Malaysia.
- Asqalani, Imam Ibn Hajar (2017). *Fath Al-Bari Victory of the Creator Commentary on Sahih Al-Bukhari*. Volume 1, Pustaka Azzam.
- Budianto, A. (2020). Implementasi Shalat Dhuhur Berjamaah Untuk Membentuk Akhlak Siswa Di Madrasah Aliyah Negeri 2 Pamekasan. Rabbani. *Jurnal Pendidikan Agama Islam*, 1(1), 11-26.
- Elmi, B., & Zainab, I. (2013). *Hubungan kecerdasan rohaniah warga tua dengan amalan agama di rumah kebajikan*. *Islamiyyat The International Journal of Islamic Studies*, 35(1), 19–28.
- Ezad Azraai, J., Siti Noorasikin, T., Kaseh, A.B., & Zamri, A. (2010). Peranan dan Sumbangan Institusi Masjid dalam Pembangunan Masyarakat Melayu-Islam di Singapura: Satu Kajian di Masjid Assyafaah, Sembawang. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(2), 31–44. Retrieved from <http://journalarticle.ukm.my/781/>
- Fakhrul Adabi Abdul Kadir. (2007). Keberkesanan Kelas Agama Di Masjid Daerah Hulu Langat Selangor. *Jurnal Usuluddin*, 25, 73–88.
- Haris, A. W. (2009). Perkembangan dan Cabaran Perkhidmatan Kerja Sosial Perubatan di Malaysia. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 9, 1–18.
- Imaaduddin, A.H., Ahmad Termizi, A.L. & Adlan, S. (2020). Penilaian Awal Terhadap Model Audit Keselamatan Masjid Di Kulim, Kedah Malaysia: Satu Tinjauan (Preliminary Evaluation of the Mosques Safety Audit Model in Kulim, Kedah Malaysia: A Review). *Asian People Journal 2020*, VOL 3(1), 163
- International Federation of Social Workers (IFSW) (2012). International definition of social work, laman sesawang google scholar, dicapai 20 Julai 2019, <https://www.ifsw.org/global-standards/>
- Khairunneezam, M.N., Mohd Asri, H., Siti Suriani, O., Amin Al Haadi, S. & Mahazan, A. M. (2016). Keterlibatan Pelajar-Pelajar Luar Kampus Universiti Sains Islam Malaysia Dalam Memangkin Aktiviti Keagamaan Dan Sosial Bersama Masyarakat Setempat. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, Vol.7 (May) 2016 : 119-122.
- Komorita, S. S., & Graham, W. K. (1965). *Number of scale points and the reliability of scales, 1965*, 25, 987-995. *Educational and Psychological Measurement*, 25, 987–995.
- Maria, de las O. P.-G., & Isabel, H.-M. (2014). *The development of resilience in social work students and professionals*. *Journal of Social Work*, 14(4), 380–397. <https://doi.org/10.1177/1468017313478290>
- Mariam, A. M. & Marlon, P.G. (2016). Masjid Dan Aplikasi Pendekatan Dakwah Terhadap Masyarakat Multi Etnik di Malaysia. *Jurnal Hadhari*, 8(1), 31–48.
- Masters, J. R. (1974). *The Relationship Between Number of Response Categories and Reliability of Likert-Type Questionnaires*. 1(1), 49–53.
- McKelvie, S. J. (1978). Graphic rating scales — How many categories? *British Journal of Psychology*, 69(2), 185–202. <https://doi.org/10.1111/j.2044-8295.1978.tb01647.x>
- Mohd Farid Hafidz, A. & Mohamad Khairi, H.O., (2016). Pusat Islam Polimas: Penglibatan Program Dakwah Dan Hubungannya Dengan Amalan Ibadat Solat Dan Pengamalan Akhlak Pelajar. *Proceeding of ICECRS, 1 (2016) 653-662 International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA, 25-27 October 2016, Universiti Utara Malaysia, Malaysia*, 655-660
- Mohd. Jirran Mohd Jeperi. (2015). *Pemahaman Dan Amalan Ibadah Solat Fardhu Serta Hubungannya Dengan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah Di Daerah Kuala Terengganu (Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Universiti Utara Malaysia)*.
- Mohd Khusyairie, M., Mohd Muhiden, A.R., & Affendi, I. (2018). *Sikap Pelajar terhadap Pengamalan Solat Fardu dan Kesannya kepada Pembentukan Sahsiah: Kajian di UiTM*



- Kelantan Kampus Kota Bharu. Al-Basirah, 8(2), 11–22.
- Mohd Mohadis, Y. (1997). *Pengurusan dan Pentadbiran Institusi Masjid: Kajian Kes di Negeri Melaka*. Universiti Malaya.
- Mohd Razimi, H., Nur Syahira Sofia, M. S., Wan Noraqilah, W. A., Wan Muhammad Aiman Z., Norul Alia, I., Ernadia Hazlin, M. H., Sharifah Rashidah, S.M. R., Venusha, S., Faradyna Shafeena, E. (2020) Masalah Berpasangan-Pasangan dalam Kalangan Pelajar Sekolah: *Journal of Humanities and Social Sciences*, 2.
- Mohd Ridhuan, R., Muhd Najib, A. K., Fadlan, O., & Siti Azimah, S. (2020). Prinsip Sosial Dalam Pengimarahkan Institusi Masjid: Kajian di Masjid Bertaraf Cemerlang. *Jurnal Hadhari*, 12(June), 1–15.
- Muhamad Faisal, A., & Firdaus, M. (2018). Pandangan Imam dan Pentadbir Masjid tentang kehadiran masyarakat ke Masjid (The View of Imam and Management of Mosques on the Community Attendance to the Mosque), *Jurnal Hadhari* 10 (2) (2018) 205-223.
- Nik Safiah, N. A., Selamah, M., Abdullah, A. G., Norazlina, A. W., Mohd Shahril, A. R., Ahmad Bashir, A., & Nor Hanim, E. (2015). Kepentingan elemen kerohanian dalam pelaksanaan aktiviti di MRSM Ulul Albab: Kajian kes di MRSM Gemencheh, Negeri Sembilan. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*, 1(2), 77–88.
- Norani, M. N. M., & Abdullah, W. H. (2020). Analisis Aktiviti Pengajian Keagamaan di Institusi Masjid-masjid Negeri Melaka [Analysis of Religious Studies Activities in institutions Mosques of Malacca]. *Bitara International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(1), 119-129.
- Norafidah, G., & Abdul Ghafar, D. (2017). Sukatan Usrah Dalam Membentuk Akhlak Mulia: Kajian Di Maahad Tahfiz Wal Tarbiyyah Darul Iman (Satu Dapatan Awal). *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 4(1), 104–114.
- Nor Azlina, A.W., Norafifah, A. H., & Norajila, C. M. (2016). Pemerkasaan Peranan Masjid Di Malaysia Era Kontemporari. *Academia Journal UiTMT*, 220-221. p.30 Volume 5 Issue 2 2016
- Nor Rosmawati, A. K., & Siti Syafiqah, S. (2016). *Faktor yang mempengaruhi kecenderungan masyarakat dalam mengimarahkan masjid*. (December 2016), 524–534.
- Nor Wahida, D., & Muhammad Ridzuan, H. (2018). Tahap Amalan Kerohanian Dari Aspek Akhlak Dalam Kalangan Pelajar Politeknik. *The 2nd Islamic Management Development Conference (IMDEC 2018)*
- Nur Kairunnisa, H., Latifah, A. M., & Wan Nasyrudin, W. A. (2020). *Pembudayaan Positif di Sekolah dalam Mencegah Remaja daripada*. *Sains Insani*, 05(No.1), 08–13.
- Nurzaimah, A., Ezarina, Z., & Haris, A. W. (2013). School Social Work Intervention to Overcome Social Problems among Student. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 38(1), 41–51.
- Nurzaimah, A., & Haris, A. W. (2019). *Bentuk Piawaian Pendidikan Kerja Sosial yang Diterapkan Dalam Program Kerja Sosial: Respon Pelajar-Pelajar Di Universiti Awam*, Malaysia. 34(2), 11–25.
- PTSS (2020), <http://www.ptss.edu.my/v9/index.php/info-umum/kemudahan-dan-fasiliti>
- Pusat Islam PTSS (2020), <http://pusatislamptss1.blogspot.com/p/pengenal.html>
- Salehi, M. (2012). Dissimilarity of E-marketing VS traditional marketing. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 2(1).
- Sekaran, U. (2003). *Research methods for business: A skill building approach* (4th ed.). Hoboken, NJ: John Wiley and Sons.
- Sharifah Nur, A. (2009). Pengamalan Solat Fardhu Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Kuching Sarawak. *International Seminar on Research in Islamic Studies 2 (ISRIS 2)*, 1–15.
- Shalaby. 1981. *Tarikh al-Islami wa al-Hadharah al-Islamiah*. Cetakan ke-9. Qahirah: Maktabah al-Nahdhah al-Masriyah
- Shukri, A., Yahya, D., Wan Abd Rahman Khudri, W. A., Madiha, M. I., & Shahril Fazli, M. H. (2014). Penghayatan Solat Dan Pengimarahkan Masjid: Kajian Dalam Kalangan Pelajar Universiti Utara Malaysia. *Proceeding Of The Social Sciences Research ICSSR 2014*, 2014(June), 786–797.
- Siti Dalila, Nor Afizah, Ajmain @ Jimaain, (2018), Penerapan Nilai Islam Dalam Membangun 'Jiwa' Institusi Masjid Pada Era Kontemporari, *Seminar UICW 6023*.
- Tamkin Borhan, J., Yahya Mohd Hussin, M., Muhammad, F., & Fauzi Abu, M. (2011). *Membentuk Usahawan Muslim: Peranan Dana Masjid*. Al-Basirah, 1(1), 53–63.
- Yusmini, M. Y., & Mohd Anwarulhaq, S. (2004). Kajian tentang maklum balas masyarakat terhadap aktiviti masjid-masjid negeri di Semenanjung Malaysia. *Jurnal Usuluddin*, 20, 201–22.

**Citation**

Mohd Noh, N. I., Choi, S. B., Zakaria, T., & Abdul Wahab, N. N. (2020). Kajian Deskriptif Amalan Agama serta Kerja-kerja Sosial Pelajar di Pusat Islam Lukman Al-Hakim, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) : Descriptive Study of Religious Practices and Social Work of Students at Lukman Al-Hakim Islamic Centre, Polytechnic Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) . *Evaluation Studies in Social Sciences*, 1(2), 9–18. <https://doi.org/10.37134/esss.vol1.2.2.2020>